

BENGKEL PENYEDIAAN BAHAN PEMBENTANGAN PROFESIONAL



Pada 26 Jun 2011 yang lalu, UTLC telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Bahan Pembentangan Profesional yang telah diadakan di Makmal Komputer FE2, jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Penceramahnyalah Prof. Madya Dr. Zulikha Bt. Jamaludin dari UUM CAS. Seramai 35 staf akademik telah menghadiri bengkel sehari ini.



Objektif bengkel adalah untuk memberikan kemahiran-kemahiran kepada peserta dalam menyediakan slaid-slaid untuk tujuan pembentangan melalui aplikasi Microsoft Power Point. Di dalam bengkel ini, peserta telah mempelajari cara-cara menyediakan slaid-slaid untuk pembentangan yang lebih profesional dan berkesan di mana pihak audien tidak dibebankan dengan keperluan membaca teks yang banyak, memahami grafik yang kompleks ataupun animasi yang berserabut.

Melalui bengkel ini juga, peserta telah dapat memahami asas reka bentuk persembahan yang efisien, penggunaan fon, warna dan kontra setiap objek pada paparan pembentangan dan menyesuaikan persembahan bagi tujuan kuliah, mesyuarat, seminar, bengkel dan sebagainya.

Pertandingan penyediaan bahan pembentangan terbaik juga turut diadakan dalam bengkel ini di mana peserta telah berpeluang menunjukkan bakat masing-masing. Tiga (3) peserta yang berjaya ialah Nur Arena Amin (Peserta luar), Siti Azura Binti Bahadin (UUM CAS) dan Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin (UUM CAS).



Habis.